

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)**

**SOALAN:**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan langkah bagi menyekat perkembangan  
Islam Liberal di Malaysia.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian tegas kerajaan terhadap fahaman Liberalisme dapat dilihat melalui keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-74 pada 25 – 27 Julai 2006 yang telah memutuskan bahawa gerakan pemikiran liberal mengandungi fahaman-fahaman yang menyeleweng dari aspek akidah dan syariah.

Antaranya ialah berpegang kepada konsep Pluralisme, mengakui bahawa akal manusia adalah wahyu, meragui ketulenan al-Quran, mempersoalkan methodologi pentafsiran al-Qur'an dan al-Hadith, menggesa tafsiran baru konsep ibadat, mempertikaikan kriteria dan akhlak kenabian dan mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum Fiqh iaitu mengambil tujuan hukum bukan bentuk hukum.

Kerajaan meelalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan agensi lain berkerjasama mengambil langkah dan menggembeleng tenaga dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan. Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengawal penularan fahaman-fahaman menyeleweng ini adalah seperti berikut:

i. Aspek pencegahan

Menyebarkan fatwa-fatwa yang berkaitan, mengadakan program-program penjelasan fahaman-fahaman yang menyeleweng dari akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah melalui ceramah, seminar dan menerusi media cetak dan elektronik;

ii. Pemantauan dan risikan

Menjalankan program pemantauan terhadap gerakan kumpulan berfahaman menyeleweng dan menapis bahan-bahan penerbitan sama ada bercetak atau elektronik;

iii. Penguatkuasaan undang-undang

Meningkatkan kerjasama antara pihak berkuasa agama dan agensi keselamatan terhadap fahaman-fahaman yang telah diwartakan menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

iv. Gerak Saraf Perang Saraf (GSPS)

Mengadakan sesi perbincangan dan dialog dengan pihak-pihak yang dikaitkan dengan fahaman yang telah difatwakan menyeleweng.

Sekian, terima kasih.